

BULETIN INPENS



“10 Januari 2017 menyaksikan kira-kira 400 orang anak muda telah mendaftar di INPENS International College (INPENS) untuk melanjutkan pengajian di dalam bidang kemahiran. Rata-rata mereka hadir kerana menyedari Latihan Teknikal dan Pendidikan Vokasional (*Technical and Vocational Education Training – TVET*) semakin mendapat tempat di pasaran kerjaya pada masa kini.”

Lawatan Exco Pendidikan ke INPENS

“Kerajaan Negeri Selangor terus komited dalam usaha memperkasakan Pendidikan Kemahiran Teknikal dan Vokasional (TVET) di INPENS” - Y.B. Tuan Nik Nazmi Nik Ahmad

Program Bumi Hijau INPENS 2017

Menghidupkan sebuah kampus hijau dan bersih dengan kerjasama Perodua dan Majlis Daerah Kuala Selangor (MDKS).

Sambutan Hari Kebudayaan Tamil INPENS 2017

INPENS buat julung kalinya mengadakan Sambutan Hari Kebudayaan Tamil INPENS 2017 bagi memupuk semangat perpaduan dan toleransi di kalanganarganya.

MENARIK DI DALAM!

1

2

3

SIDANG REDAKSI

Penaung

Tuan Ahmad Zabri bin Mohd Yaman

Penasihat

Encik Jefri bin Mejan

Ketua Editor

Nur'Adnin Syamil binti Halik Bassah

Penolong Editor

Siti Noor Hani binti Mohd Faton

Pereka Grafik

Ahmad Zulkhidzrie bin Mohamad Zuki

Wartawan

Solihah binti Yaakob

Zawiah binti Abdullah

Siti Rahimah binti Mohamad Noor

Mohd Nor Izzuddin bin Rahudin

Siti Nurliyana Irdina binti Zakaria

Jurugambar

Bahagian Komunikasi Korporat

Bahagian Hal Ehwal Pelajar

Pembantu Redaksi

Jabatan Latihan Kemahiran & HEA

Bahagian Hal Ehwal Pelajar

Bahagian Sumber Manusia

Kelab Sosial & Kebajikan Kakitangan INPENS

Sidang redaksi mengucapkan jutaan terima kasih kepada semua yang terlibat secara langsung atau tidak langsung dalam penghasilan dan penerbitan Buletin INPENS Edisi Ke-7 ini. Kami mengalu-alukan sumbangan artikel/rencana/berita semasa yang berkaitan dengan pendidikan, sahsiah dan aktiviti kemasyarakatan daripada warga INPENS. Kirimkan tulisan anda kepada:

KETUA EDITOR BULETIN INPENS

INPENS International College,

Jalan Semarak, 45000 Kuala Selangor,

Selangor Darul Ehsan.

Tel : 03-3281 2617 / 19 / 21

Faks : 03-3281 2625 / 27

Email : syamil@inpens.edu.my

© Hak Cipta Terpelihara INPENS International College 2017. Tidak dibenarkan menerbitkan mana-mana bahagian dari mana-mana halaman buletin ini tanpa kebenaran bertulis daripada pihak INPENS International College.

TINTA KETUA EDITOR

Assalamu'alaikum W.B.T. dan Salam Sukses...

Syukur pada Allah, bersua lagi kita di dalam Buletin INPENS Edisi ke-7 yang diterbitkan khas sempena Majlis Konvokesyen INPENS Kali ke-21. Semoga para graduan yang diraikan akan terus sukses melakar masa depan seterusnya memajukan ekonomi diri dan negara.

Tahun 2017 menandakan sudah memasuki empat tahun usia penerbitan Buletin INPENS ini. Usia empat tahun hanyalah seorang manusia kecil yang baru mengenal abjad, begitulah jua umpamanya buletin ini. Oleh itu, saya sentiasa mengalu-alukan sebarang tunjuk ajar membina yang membolehkan buletin ini lancar membaca di akhirnya. Edisi kali ini juga menampilkan wajah baharu yang lebih segar dan berkeyakinan. Saya percaya kita perlu sentiasa membuat anjakan reformasi agar kita boleh mempelajari sesuatu yang baharu sekaligus mengumpul pengalaman berharga. Sepanjang tujuh edisi penerbitan Buletin INPENS, saya tidak boleh terlepas daripada memberikan kredit yang paling tinggi kepada saudara Ahmad Zulkhidzrie Mohamad Zuki yang setia menjadi pereka grafik Buletin INPENS sejak edisi sulung lagi. Kami bermula sebagai barisan tenaga pengajar di INPENS dan sedang membuat anjakan reformasi dengan mempelajari bidang komunikasi korporat pula. Ternyata bidang baharu ini adalah lubuk pengalaman yang penuh dengan keterujaan untuk diterokai.

Buletin kali ini akan memaparkan perkongsian program-program dan aktiviti-aktiviti yang berlaku di suku pertama tahun 2017. Pendaftaran pelajar bagi sesi ambilan Januari dan lawatan kerja oleh Y.B. Nik Nazmi Nik Ahmad ke INPENS menjadi fokus pada edisi kali ini. Turut dipaparkan rangkuman berita Hari Kebudayaan Tamil INPENS dan Majlis Makan Malam Kelab Kakitangan INPENS yang berlangsung baru-baru ini. Banyak foto-foto menarik dan bernilai sentimental yang berjaya lensa Buletin INPENS rakamkan untuk dikongsikan bersama para pembaca. Jangan berlengah lagi, usah menoleh ke belakang, ayuh kita buat anjakan!

Sekian, salam reformasi!

Nur'Adnin Syamil Halik Bassah

Ketua Editor



Dari Kamar Ketua Eksekutif

Segala puji bagi Allah, Tuhan semesta alam. Selawat serta salam ke atas junjungan Nabi Muhammad S.A.W, keluarga dan para sahabat baginda.

Alhamdulillah, syukur kita panjatkan kepada ALLAH S.W.T kerana dengan keizinan-Nya kita bertemu lagi di dalam Buletin INPENS Edisi 7 yang diterbitkan khas bersempena dengan Majlis Konvokesyen INPENS kali ke-21 bagi tahun 2017. Semoga para pembaca buletin ini, akan mendapat pelbagai manfaat melalui pengisian yang dikongsikan bagi terbitan kali ini.

Saya berpendapat, cabaran yang dilalui oleh seorang graduan kemahiran di Malaysia adalah sangat besar. Sayangnya, cabaran ini bukanlah bermaksud graduan-graduan ini sukar mendapat pasaran kerja atau susah menjana pendapatan. Cabaran yang dimaksudkan ialah menangkis pandangan skeptikal dan negatif sesetengah komuniti Malaysia berkaitan bidang kemahiran. Sering kita mendengar bahawa bidang kemahiran hanyalah pilihan kedua (atau pilihan akhir) oleh golongan pelajar. Ingin saya kongsi, bidang kemahiran di negara-negara maju seperti Jepun, Jerman dan Perancis merupakan bidang yang sama prestijnya seperti bidang akademik.

Oleh itu, saya menyeru agar bidang kemahiran ini tidak lagi dipandang sebelah mata dan tidak lagi dipandang enteng. Ini bagi memastikan graduan kemahiran yang dilahirkan merasa bangga akan pencapaian mereka dan seterusnya bersedia menabur jasa membangun nusa. Tidak kira apa jua pilihan bidang pendidikan anak-anak kita, berilah sokongan kepada mereka. Suntutlah mereka dengan aura positif agar anak-anak ini menjadi saham berharga buat kita dunia dan akhirat. Jika padi yang kita semai, maka padilah yang akan kita tuai. Namun jika lalang yang kita tanam, maka lalanglah yang akan kita renggam.

Akhir mukadimah, saya mendoakan agar kita yang berada di arena pendidikan kemahiran ini, tetap bersemangat memberdaya bidang kemahiran menuju puncak kejayaan. Walaupun dendangan kita masih sayup lagi, saya percaya lagu ini akan semakin kuat berkumandang. Dikesempatan ini, saya ingin mengucapkan syabas dan tahniah kepada kru Sidang Redaksi Buletin INPENS Edisi ke-7 kerana terus gigih berusaha memperjuangkan bidang kemahiran di INPENS melalui bait-bait artikel yang diterbitkan. InsyaAllah, kejayaan akan bersama-sama dengan orang yang berusaha. Man Jadda Wa Jadda!

"Cemerlang Bersama INPENS"
"Kemahiran Untuk Semua"

Y.Bhg. Tuan Ahmad Zabri bin Mohd Yaman
Ketua Eksekutif INPENS





KERAJAAN SELANGOR KOMITED PERKASAKAN TVET DI INPENS : EXCO PENDIDIKAN NEGERI SELANGOR

Kerajaan Negeri Selangor terus komited dalam usaha memperkasakan Pendidikan Kemahiran Teknikal dan Vokasional (TVET) melalui institusi kemahiran di bawah naungannya iaitu INPENS International College. Malahan bidang-bidang berimpak tinggi dan mendapat pasaran industri seperti bidang kimpalan akan mula diperkenalkan di INPENS menjelang pertengahan tahun 2018.

Y.B. Tuan Nik Nazmi bin Nik Ahmad berkata demikian ketika lawatan kerja beliau ke INPENS pada 31 Januari 2017 yang lalu. Dalam lawatan tersebut, Tuan Nik Nazmi yang juga Pengerusi Jawatankuasa Tetap Pendidikan, Pembangunan Modal Insan, Sains, Teknologi & Inovasi Negeri Selangor turut melawat bengkel kursus kulineri dan pastri yang merupakan kursus terbaharu yang ditawarkan di INPENS.

Beliau turut berkata, Belanjawan Kerajaan Negeri Selangor 2017 telah memperuntukkan dana sebanyak RM5 juta bagi membangunkan prasarana yang terdapat di INPENS. Tambahan sebanyak RM1 juta pula disalurkan setiap tahun bagi menaik taraf kursus-kursus kemahiran sedia ada di INPENS serta memperkenalkan kursus kemahiran baharu yang berpotensi untuk dikembangkan.

“Peruntukan-peruntukan ini disalurkan bagi memastikan INPENS terus berdaya saing dalam memberikan latihan kemahiran kepada pelajar-pelajar yang menuntut di kolej tersebut. Ini jelas membuktikan Kerajaan Negeri Selangor sememangnya komited dalam usaha menjadikan bidang TVET sebagai bidang pilihan ramai memandangkan pasaran kerja yang amat meluas. Negeri Selangor juga berhasrat menjadi negeri model kepada negeri-negeri yang lain dalam membangunkan serta memperkasakan TVET”, ujar beliau lagi.





SESI PENGAMBILAN JANUARI 2017: 400 PELAJAR BAHARU MENDAFTAR



Pada 10 Januari 2017 menyaksikan kira-kira 400 orang anak muda telah mendaftar di INPENS International College (INPENS) untuk melanjutkan pengajian di dalam bidang kemahiran. Rata-rata mereka hadir kerana menyedari Latihan Teknikal dan Pendidikan Vokasional (Technical and Vocational Education Training – TVET) semakin mendapat tempat di pasaran kerjaya pada masa kini. INPENS yang telah menjalankan kursus kemahiran sejak 2006 kini menawarkan pendidikan kemahiran di dalam pelbagai bidang iaitu automotif, motosikal, penyamanan udara, teknologi maklumat, jahitan, kecantikan, dandanan rambut, kulineri, pastri, elektrik dan elektronik.

Sementara itu, Pemangku Ketua Eksekutif INPENS, Tuan Ahmad Zabri bin Yaman berkata, beliau teruja dengan perkembangan dunia pendidikan TVET pada hari ini. Semakin ramai yang memilih aliran kemahiran kerana menyedari kepentingan tenaga mahir ini di dalam membangunkan ekonomi negara. “INPENS berhasrat mengangkat martabat pendidikan kemahiran ke aras lebih tinggi dengan melahirkan alumni INPENS yang berkemahiran dan berkarakter

unggul. Mereka yang berminat dengan bidang kemahiran, sentiasa boleh menghubungi INPENS untuk mengetahui peluang melanjutkan pengajian di kolej ini, saya percaya bidang kemahiran adalah untuk

semua dan bukan hanya untuk golongan keciciran akademik. Pengambilan pelajar seterusnya akan dilaksanakan pada bulan Julai nanti”, ujar beliau lagi.



1

SEKTOR TEKNOLOGI AUTOMOTIF

| NAMA KURSUS | KOD KURSUS | TEMPOH |
|---|---------------|--------------|
| AUTOMOTIF - SERVIS SELEPAS JUALAN | TP-300-2:2013 | 12 BULAN |
| AUTOMOTIF - SERVIS SELEPAS JUALAN | TP-300-3:2013 | 12 BULAN |
| EKSEKUTIF AUTOMOTIF - SERVIS SELEPAS JUALAN | TP-310-4 | 12 + 3 BULAN |

BIDANG KERJAYA

Pelajar yang telah tamat pengajian di dalam Sektor Teknologi Automotif berpeluang untuk menceburi bidang kerjaya seperti berikut:

- Mekanik kenderaan di pusat servis dan bengkel kereta.
- Penyelia mekanik di pusat servis kenderaan.
- Usahawan bengkel kereta.
- Pengusaha pusat jualan kenderaan.
- Jurutera sektor automotif di kilang-kilang pembuatan kereta.
- Penasihat teknikal berkaitan perkhidmatan automotif.
- Tenaga pengajar di Institut Pengajian Tinggi Kemahiran.

2

SEKTOR TEKNOLOGI MOTOSIKAL

| NAMA KURSUS | KOD KURSUS | TEMPOH |
|------------------------------------|---------------|---------|
| SERVIS & PENYELENGGARAAN MOTOSIKAL | TP-118-1:2012 | 6 BULAN |
| SERVIS & PENYELENGGARAAN MOTOSIKAL | TP-118-2:2012 | 6 BULAN |

BIDANG KERJAYA

Pelajar yang telah tamat pengajian di dalam Sektor Teknologi Motosikal berpeluang untuk menceburi bidang kerjaya seperti berikut:

- Mekanik di bengkel motosikal.
- Usahawan bengkel motosikal.
- Penedar motosikal tempatan/import.
- Kontraktor alat ganti motosikal.
- Penyelia jualan di syarikat pendedaran motosikal.
- Tenaga pengajar di Institut Pengajian Tinggi Kemahiran.

3

SEKTOR KEJURUTERAAN ELEKTRIK

| NAMA KURSUS | KOD KURSUS | TEMPOH |
|---|---------------|----------|
| PEMASANGAN & PENYELENGGARAAN ELEKTRIK - SATU FASA | EE-320-2:2012 | 12 BULAN |
| PEMASANGAN & PENYELENGGARAAN ELEKTRIK - TIGA FASA | EE-320-3:2012 | 12 BULAN |
| PENDAWAI FASA TUNGGAL DENGAN ENDORSAN PENGUJIAN | PW2 | 24 BULAN |
| PENDAWAI TIGA FASA DENGAN ENDORSAN PENGUJIAN | PW4 | 12 BULAN |

BIDANG KERJAYA

Pelajar yang telah tamat pengajian di dalam Sektor Kejuruteraan Elektrik berpeluang untuk menceburi bidang kerjaya seperti berikut:

- Juruteknik elektrik.
- Pembantu pendawaian 1 fasa dan 3 fasa.
- Membuka syarikat kontraktor elektrik.
- Usahawan kedai elektrik.
- Perekaipita inovatif peralatan elektrik.
- Penyelia fasiliti di sektor awam dan swasta.
- Menjadi tenaga pengajar di Institut Pengajian Tinggi Kemahiran.

4

SEKTOR TEKNOLOGI MAKLUMAT

| NAMA KURSUS | KOD KURSUS | TEMPOH |
|-------------------------|---------------|----------|
| OPERASI SISTEM KOMPUTER | IT-020-3:2013 | 12 BULAN |

BIDANG KERJAYA

Pelajar yang telah tamat pengajian di dalam Sektor Teknologi Maklumat berpeluang untuk menceburi bidang kerjaya seperti berikut:

- Juruteknik sistem komputer.
- Juruteknik khidmat sokongan (Kerajaan/Swasta).
- Usahawan kafe siber.
- Usahawan bengkel komputer.
- Pakar jualan sistem komputer.
- Menjadi tenaga pengajar di Institut Pengajian Tinggi Kemahiran.

5

SEKTOR TEKNOLOGI PENYAMANAN UDARA

| NAMA KURSUS | KOD KURSUS | TEMPOH |
|--|---------------|----------|
| PERALATAN PENYAMANAN UDARA HVAC - SATU FASA (PEMASANGAN, SERVIS, TROUBLESHOOTING & PEMBAIKPULIHAN) | ME-020-2:2012 | 8 BULAN |
| PENYELIAAN PEMASANGAN & PENYELENGGARAAN HVAC | ME-020-3:2012 | 12 BULAN |

BIDANG KERJAYA

Pelajar yang telah tamat pengajian di dalam Sektor Teknologi Penyamanan Udara berpeluang untuk menceburi bidang kerjaya seperti berikut:

- Juruteknik sistem penyamanan udara.
- Perekacipta inovatif set penyamanan udara.
- Pakar jualan alatan penyamanan udara.
- Membuka kedai membaiki alat penyamanan udara.
- Penyelia fasiliti di sektor awam dan swasta.
- Menjadi tenaga pengajar di Institut Pengajian Tinggi Kemahiran.

6

SEKTOR TEKSTIL DAN PAKAIAN

| NAMA KURSUS | KOD KURSUS | TEMPOH |
|--------------------------|---------------|----------|
| PEMBUATAN PAKAIAN WANITA | TA-011-1:2012 | 6 BULAN |
| PEMBUATAN PAKAIAN WANITA | TA-011-2:2012 | 6 BULAN |
| PEMBUATAN PAKAIAN WANITA | TA-011-3:2012 | 12 BULAN |

BIDANG KERJAYA

Pelajar yang telah tamat pengajian di dalam Sektor Tekstil dan Pakaian berpeluang untuk menceburi bidang kerjaya seperti berikut:

- Usahawan butik jahitan.
- Terlibat dalam rekaan dan pemilihan kostum majalah & televisyen.
- Terlibat dalam industri import pakaian ke luar negara.
- Menjadi pembekal pakaian seragam atau sekolah.
- Membuka akademi/kelas jahitan persendirian.
- Penyelia di kilang-kilang menjahit pakaian.
- Menjadi tukang jahit di butik jahitan.
- Menjadi pereka fesyen.
- Menjadi tenaga pengajar di Institut Pengajian Tinggi Kemahiran.

7

SEKTOR REKAAN RAMBUT DAN KECANTIKAN

| NAMA KURSUS | KOD KURSUS | TEMPOH |
|-----------------------------|---------------|----------|
| PERKHIDMATAN ESTETIK | MP-060-2:2013 | 12 BULAN |
| PERKHIDMATAN TERAPI ESTETIK | MP-060-3:2013 | 12 BULAN |
| DANDANAN RAMBUT | HT-090-2:2012 | 8 BULAN |

BIDANG KERJAYA

Pelajar yang telah tamat pengajian di dalam Sektor Rekaan Rambut dan Kecantikan berpeluang untuk menceburi bidang kerjaya seperti berikut:

- Usahawan salun kecantikan dan spa.
- Usahawan salun dandanan rambut.
- Membuka akademi/kelas kosmetologi persendirian.
- Membuka akademi/kelas dandanan rambut persendirian.
- Penyelia/pekerja di salun kecantikan.
- Penyelia/pekerja di salun dandanan rambut.
- Menjadi jurusolek profesional.
- Menjadi pendandan rambut profesional.
- Konsultan rawatan wajah dan badan.
- Konsultan pelansingan badan.
- Menjadi tenaga pengajar di Institut Pengajian Tinggi Kemahiran.

8

SEKTOR KULINARI DAN PASTRI

| NAMA KURSUS | KOD KURSUS | TEMPOH |
|--------------------------------|---------------|---------|
| PENYEDIAAN & PEMBUATAN MAKANAN | HT-012-2:2012 | 8 BULAN |
| PEMBUATAN PASTRI | HT-014-2:2011 | 6 BULAN |

BIDANG KERJAYA

Pelajar yang telah tamat pengajian di dalam Sektor Kulineri dan Pastri berpeluang untuk menceburi bidang kerjaya seperti berikut:

- Menjadi chef/sous chef/chef selebriti.
- Membuka syarikat catering.
- Usahawan restoran/kafe/kiosk.
- Penulis/editor untuk buku resepi atau majalah masakan.
- Mengusahakan produk makanan sendiri (sejuk beku dan sebagainya).
- Menjadi tenaga pengajar di Institut Pengajian Tinggi Kemahiran.



INKUBATOR INPENS SMART SELANGOR di Sungai Besar



Alamat:

No.9 Jalan Bunga Loceng Kuning & Orkid,
Sungai Besar Sentral,
45300 Pekan Sungai Besar,
Selangor Darul Ehsan.

Perkhidmatan Ditawarkan:

- ★ Kecantikan
- ★ Dandanan Rambut
- ★ Jahitan

No. Telefon: 012-398 9461 (Oshen)
017-603 8043 (Rahila)
013-265 1494 (Shasha)

HUBUNGI SEKARANG!






MAKMAL CORE i5 & MAKMAL CORE i7: SATU TRANSFORMASI MEMPERKASA INPENS

Dua buah makmal komputer di INPENS iaitu Makmal Core i5 dan Makmal Core i7 kini dinaik taraf selaras dengan keperluan membangunkan satu kursus baharu iaitu Diploma Kemahiran Malaysia (DKM) Pentadbiran Sistem Komputer. Kerja-kerja naik taraf makmal ini telah dimulakan pada 10 Oktober 2016 dan telah siap sepenuhnya pada 15 Disember 2016.

Menurut Ketua Sektor Teknologi Maklumat, Puan Siti Sobrina Ab Rahim, sebuah makmal mampu menampung sehingga 25 pelajar dalam satu-satu masa berbanding hanya 15 pelajar sebelum ini. Kini dengan kapasiti 50 orang pelajar bagi kedua-dua makmal, para pelajar boleh menjalani latihan amali dengan lebih efektif. Perisian dan komponen komputer yang digunakan juga adalah seiring dengan teknologi terkini selain kemudahan internet. Selain itu, kedua-dua buah makmal ini juga dilengkapi dengan alat pendingin hawa dan menerima sentuhan dekorasi



FASA 1



FASA 2



FASA 3

baru bagi menambah keselesaan para pelajar yang menggunakan makmal tersebut.

Dalam pada itu, Pemangku Ketua Eksekutif INPENS, Tuan Ahmad Zabri Mohd Yaman yang ditemui berkata, "Makmal ini merupakan keperluan yang akan memberikan aura baharu kepada warga Sektor Teknologi maklumat. Suasana yang lebih kondusif akan menjamin keberkesanan pembelajaran. Oleh itu, menjadi tanggungjawab INPENS untuk memastikan pelajar-pelajar di sini memperoleh peralatan dan kelengkapan pembelajaran yang sempurna. Kerja naik taraf ini merupakan fasa pertama untuk Misi Transformasi INPENS dan banyak lagi siri-siri naik taraf akan dilaksanakan mengikut fasa yang telah dirancang". Dalam masa sama, beliau turut berharap agar makmal berkenaan akan dimanfaatkan sepenuhnya dan dijaga sebaiknya oleh semua warga INPENS International College pada setiap masa.



PROGRAM BUMI HIJAU INPENS: PUPUK KESEDARAN PELIHARA ALAM SEKITAR

02 Februari 2017 – Telah berlangsung aktiviti Gotong-Royong Perdana Peringkat INPENS yang bertemakan Bumi Hijau dan turut disertai oleh seramai 32 orang kakitangan PERODUA yang menjalankan aktiviti CSR mereka. Selain itu program ini turut melibatkan kerjasama daripada Majlis Daerah Kuala Selangor (MDKS) dan Jabatan Pertanian Daerah Kuala Selangor yang memberi sumbangan anak-anak pokok kepada INPENS.

Program ini dijayakan bagi menyatakan sokongan kepada Kerajaan Negeri Selangor yang telah memansuhkan penggunaan beg plastik bagi tujuan memelihara alam sekitar. Selain itu, kerja-kerja pembersihan juga dilaksanakan untuk menghapuskan tempat-tempat pembiakan nyamuk Aedes.

Pelbagai aktiviti telah berlangsung pada hari tersebut seperti kerja-kerja pembersihan sekitar kolej termasuklah menanam pokok-pokok, memotong rumput, membersihkan surau dan asrama, mengecat tiang-tiang besi dan kotak parkir, serta pembersihan kawasan semua longkang di sekitar kolej. Rata-rata pelajar yang ditemui seronok dengan aktiviti ini kerana mereka berpeluang menyumbangkan tenaga bagi menjayakan misi ini.

Kemuncak program ini adalah aktiviti menanam pokok yang telah disempurnakan oleh Tuan Ahmad Zabri Mohd Yaman selaku Pemangku Ketua Eksekutif INPENS, PERODUA pula diwakili oleh Encik Faisal, manakala MDKS diwakili oleh Encik Pipudin.

Diharapkan program ini akan menyuburkan ikatan ukhuwah di antara INPENS, MDKS, Pejabat Pertanian Kuala Selangor dan PERODUA selain memupuk kesedaran menjaga alam sekitar untuk seluruh warga INPENS.



HARI KEBUDAYAAN TAMIL SEMARAK SEMANGAT PERPADUAN

17 Februari 2017 - INPENS International College (INPENS) buat julung kalinya menganjurkan Hari Kebudayaan Tamil dengan objektif memperkenalkan adat serta budaya yang diamalkan oleh masyarakat Tamil di negara ini. Program ini merupakan anjuran Kelab Kebudayaan Tamil INPENS di bawah bimbingan Encik Sures a/l Manickam.

Program ini turut mendapat sokongan ADUN Kota Alam, iaitu Y.B. Tuan Ganabathirai a/l Veraman yang turut hadir merasmikan program berkenaan. Pelbagai aktiviti telah diselitikan bagi memeriahkan hari berkenaan antaranya persembahan nyanyian, tarian, pertandingan membuat kolam ranggoli dan pertandingan memecah periuk tanah dengan mata tertutup.

Rata-rata pelajar yang ditemui merasa teruja kerana berpeluang mengenali lebih mendalam lagi berkaitan kebudayaan dan kesenian yang diamalkan masyarakat Tamil. Pertandingan melukis kolam ranggoli mendapat sambutan yang sangat menggalakkan iaitu kira-kira sepuluh penyertaan berkumpul. Pertandingan memecah periuk tanah pula mendapat sorakan yang gemuruh sekaligus menambah debaran kepada setiap peserta acara berkenaan.

Pemangku Ketua Eksekutif INPENS, Tuan Ahmad Zabri Mohd Yaman ketika ditemui berkata, beliau sendiri tidak pernah merasai pengalaman memecahkan periuk tanah dengan mata tertutup dan ini merupakan satu pengalaman mencabar yang wajar dikongsikan kepada semua bangsa di negara ini. Beliau juga berharap program-program kebudayaan seperti ini perlu diteruskan dengan objektif memupuk semangat perpaduan sekaligus menerbitkan suasana harmoni kepada semua bangsa di negara yang kita cintai ini.

INPENS DIKTIRAF SEBAGAI PUSAT LATIHAN BERTAULIAH OLEH JABATAN ALAM SEKITAR MALAYSIA

25 Januari 2017 - INPENS International College (INPENS) telah menandatangani Surat Persetujuan Pelantikan sebagai Pusat Latihan Bertauliah bagi Sektor Penyejuk Bekuan dan Penyamanan Udara oleh Jabatan Alam Sekitar (JAS). Seiring dengan pelantikan ini, INPENS sebagai sebuah institusi kemahiran di bawah Kerajaan Negeri Selangor telah diberikan kepercayaan untuk melaksanakan Program Persijilan Juruteknik bertauliah (Certification of Service Technician – CSTP) kepada dua golongan sasaran iaitu pelajar-pelajar kemahiran dan pekerja-pekerja industri.

INPENS telah diwakili oleh Encik Mohd Harizal bin Ab Ghani iaitu Ketua Sektor Teknologi Penyamanan Udara INPENS untuk menandatangani Surat Persetujuan Pelantikan tersebut manakala JAS telah diwakili oleh Encik Mohamed Fauzi bin Abdul Aziz iaitu Penolong Pegawai Kawalan JAS. Encik Mohamed Fauzi yang ditemui berkata lantikan ini dibuat berdasarkan komitmen dan kepakaran INPENS dalam melatih pelajar-pelajar kemahiran untuk memastikan teknologi penyejuk beku dan penyamanan udara yang diamalkan di Malaysia mampu melindungi alam sekitar. Beliau turut berkata, penipisan ozon merupakan ancaman besar kepada alam sekitar dan sangat berbahaya kepada generasi akan datang jika tidak ditangani pada masa ini.

JAS pada masa sama turut menyerahkan dua set mesin Recovery & Recycling (R&R) kepada INPENS yang bertujuan menjayakan Projek Pelan Pengurusan Penghapusan. Projek ini merupakan sebahagian daripada proses penghapusan penggunaan Hidroklorofluorokarbon (HCFC) iaitu gas yang digunakan di dalam alat penyamanan udara yang menjadi faktor kepada penipisan ozon.



1 PERTANDINGAN BOWLING



Masa : 2.00 ptg - 6.00 ptg

Pemenang :

- Individu (Lelaki) : Rusman Hussin
- Individu (Perempuan) : Siti Nur Fatimah Saidin
- Juara (Kumpulan) : Kumpulan 9



AKTIVITI KELAB SOSIAL & KEBAIKASAN KAKITANGAN INPENS

TARIKH : 9 Februari 2017

TEMPAT : Tropicana Golf & Country Resort, Kota Damansara

2 MAJLIS MAKAN MALAM

Masa : 8.00 mlm - 11.00 mlm

Pemenang King & Queen Of The Night :

- Lelaki : Muhamad Mustaqim Mohd Zulkepli
- Perempuan : Liyana Khairuddin





1

Nurul Huda binti Ali, Ketua Sektor Teknologi Motosikal

"Alhamdulillah, tahun ini saya menerima kepercayaan untuk menggalas tanggungjawab mengetuai Sektor Teknologi Motosikal. Saya percaya, setiap kejadian mempunyai hikmah tersendiri dan perlu dijadikan medan cetusan refleksi bagi memperbaiki kelompangan diri. Saya berharap Sektor Teknologi Motosikal akan terus berkembang dan berdaya saing pada tahun 2017 ini. Semoga pelajar-pelajar yang dilahirkan melalui sektor ini akan bisa memberi impak kepada arena permotoran sekaligus menaik taraf standard Sektor Teknologi Motosikal INPENS di masa-masa akan datang".



2

Abdul Muhit bin Karmain, Pembantu Pentadbiran Kanan

"Di bawah kepimpinan barisan pengurusan tertinggi INPENS, saya mendoakan INPENS terus maju dan cemerlang. Saya juga berharap misi mentransformasikan INPENS dari segi kualiti graduan dan budaya kerja warganya akan dijayakan pada tahun 2017 ini. Usah kita memandang ke belakang lagi dan Cemerlang Bersama INPENS!"



3

Norfazihan binti Othman, Instruktur Sektor Kejuruteraan Elektrik

"Saya melihat bidang-bidang kemahiran yang ditawarkan di INPENS merupakan bidang-bidang berimpak tinggi yang mampu menyiapkan siagakan belia di luar sana untuk menghadapi cabaran pembangunan negara. Adalah menjadi harapan saya agar INPENS mengambil peluang ini untuk membina generasi belia yang berketerampilan, berkompeten, berdisiplin dan berakhlak mulia untuk memenuhi keperluan tenaga kerja oleh pelbagai industri."



4

Sarah binti Masri, Pekerja Am

"Sejak berkhidmat di INPENS, saya telah melihat pelbagai perubahan positif telah dilaksanakan. Keadaan kampus dilihat semakin cantik dan bersih. Pelbagai prasarana telah disediakan bagi kemudahan staf dan pelajar. Sempena tahun 2017 ini, saya mengharapkan dan berdoa agar INPENS terus bergerak maju ke hadapan dan tetap menjaga kebajikan semua kakitangan yang telah berusaha keras menjadikan INPENS sebagai sebuah institusi kemahiran yang cemerlang."



5

Zakaria bin Abdullah, Pegawai Pusat Sumber

"Sudah 24 tahun saya berkhidmat di INPENS dan pelbagai ragam kakitangan telah saya saksikan. Banyak episod pahit manis telah saya lalui, namun saya masih setia bersama INPENS. Saya sangat menyayangi INPENS sebagaimana saya menyayangi keluarga saya sendiri. Saya mengharapkan semua kakitangan di sini mempunyai rasa tanggungjawab terhadap kerja yang telah diamanahkan. Marilah kita bersama-sama menjaga kualiti kerja dan katakan tidak kepada persengketaan. Jom, Cemerlang Bersama INPENS!"



6

Mohd Faiz bin Mohd Ashaari, Instruktur Sektor Kejuruteraan Automotif

"Semoga INPENS terus maju dalam mencapai matlamat menjadi peneraju pendidikan vokasional yang terulung di Selangor. Saya berharap INPENS terus komited dalam melahirkan pelajar-pelajar yang berkemahiran serta memiliki sahsiah diri yang tinggi. Semoga keberhasilan para pelajar ini akan dapat menyumbang kepada ekonomi dan kemajuan di Negeri Selangor khususnya dan kepada negara secara amnya. Marilah kita Cemerlang Bersama INPENS."



AKTIVITI

1

TEAM BUILDING INPENS 2017

TARIKH

23-25 Disember 2016

LOKASI

Asia Camp, Ampang Pecah



AKTIVITI KAKITANGAN

AKTIVITI

2

KURSUS PENGACARAAN MAJLIS & PENGUCAPAN AWAM

TARIKH

21 - 22 Februari 2017

LOKASI

Bilik Korporat, INPENS

JUMLAH PESERTA

22 Orang

PENCERAMAH

1. En. Hisham Salleh
2. En. Hafiz Mustapha



AKTIVITI PELAJAR

1

Minggu Suai Kenal Pelajar Sesi Januari 2016

Pada 11-13 Januari 2017
di Kampus INPENS



2

Kursus Tambah Nilai Mantop Diri

Pada 3-5 Februari 2017
di Lembah Azwen Resort,
Hulu Langat



3

Hari Sukan INPENS 2017

Pada 23 Mac 2017
di Kampus INPENS



4

Kejohanan Pencak Silat UPSI Kali Ke-8

Pada 7-10 Mac 2017
di Universiti Pendidikan Sultan Idris (UPSI),
Tanjong Malim



Lawatan Dari
**Universiti
Selangor
(unisel)**

21 Dis 2016



Lawatan Dari
TWI

17 Jan 2017



Lawatan Dari
**Kolej Universiti
Islam Selangor
(KUIS)**

7 Feb 2017



Lawatan Dari
**Panel
Pentauliahahan
JPK**

8 Feb 2017





Setelah mengambil jurusan Information Technology selama 1 tahun untuk tahap 2 & 3 di INPENS International College, saya kini berkhidmat sebagai Juruteknik IT di Majlis Daerah Kuala Selangor. Terima kasih kepada pihak INPENS International College kerana telah memberikan saya peluang menjadi salah seorang pelajar di INPENS. Jutaan terima kasih kepada guru-guru Encik Ahmad, Encik Azmi, Encik Helmi dan Puan Sobrina kerana telah memberikan tunjuk ajar berkaitan teori dan praktikal tentang perkakasan dan sistem rangkaian berkaitan komputer. Banyak yang telah dipelajari dan saya dapat melaksanakan tugas-tugas merangkumi sistem komputer seperti penyelenggaraan komputer dan penyelenggaraan aplikasi dengan baik di Majlis Daerah Kuala Selangor. Terima kasih INPENS!

Rosshazlin binti Rosly

Juruteknik IT
Majlis Daerah Kuala Selangor
Selangor Darul Ehsan
Alumni 2011



Bidang kecantikan telah menjadi minat saya sejak dari bangku sekolah lagi. Oleh itu, saya telah memilih untuk mengambil jurusan kecantikan sehingga tamat SKM tahap 3 di INPENS. Selain daripada teknik-teknik merawat wajah yang telah dipelajari, saya juga telah dibekalkan ilmu untuk mengendalikan mesin-mesin di dalam bidang kecantikan. Saya juga telah diajar untuk menggunakan produk-produk tertentu bagi mengatasi masalah berkaitan rawatan wajah dan tubuh badan. Ternyata ilmu yang dibekalkan sangat berguna dan kini tiba masanya saya menumpahkan bakti sebagai tenaga pengajar di dalam bidang yang saya cintai ini.

Irmadiana binti Sahalan

Tenaga Pengajar
Kolej Intra
Kuala Selangor
Selangor Darul Ehsan
Alumni 2013



Saya memang meminati bidang dandanan rambut sejak bangku sekolah lagi. Sejak memasuki INPENS, kecintaan saya kepada bidang ini semakin mendalam. Saya tidak menoleh ke belakang lagi dan terus menumpukan usaha untuk bergelar pendandan rambut yang profesional. Berkat bimbingan daripada tenaga pengajar di INPENS, kini saya telah pun bekerja di salon ini selama lima tahun. Saya berhasrat untuk membuka salon rambut saya sendiri di sekitar Banting ini satu hari nanti. Saya juga menyeru kepada semua belia di luar sana supaya memilih bidang kemahiran kerana amat mudah mencari pekerjaan dengan sijil kemahiran yang dimiliki asalkan kita gigih berusaha.

Thinesha a/p Subramanian

Pendandan Rambut (Senior)
Supercut Unisex Hair Saloon
Banting, Selangor
Alumni 2013

Apakah halatuju anda selepas tamat pengajian?



"Saya sangat menyukai aktiviti seperti merawat wajah, padikur dan manikur. Oleh itu, saya mengambil keputusan untuk mempelajari bidang ini di INPENS. Saya berasa sangat seronok kerana banyak ilmu baru yang saya perolehi. Saya juga menemui ramai rakan baru di sini. Bila tamat pengajian nanti, saya berhasrat menjadi usahawan berjaya dengan membuka perniagaan spa saya sendiri."

Ang Pei Qin
Kursus Perkhidmatan Estetik, Tahap 2

"Selepas tamat pengajian, saya akan menceburi perniagaan yang berkaitan dengan penyaman udara atau elektrik. Saya melihat bidang ini sangat berpotensi dikembangkan kerana penggunaan alat penyaman udara semakin meluas di setiap unit rumah dan premis perniagaan. Apabila berjaya kelak, saya juga akan memperluaskan perniagaan dengan membuka cawangan-cawangan lain demi memberikan yang terbaik kepada para pelanggan."

Mohd Amierul Ashraff bin Ismail
Kursus Penyamanan Udara, Tahap 2



"Saya ingin bergelar wiremen profesional apabila tamat pengajian nanti. Saya akan mengutip sebanyak mungkin ilmu dan pengalaman ketika menuntut di INPENS supaya saya boleh membuka syarikat pendawaian elektrik saya nanti. Saya bukan sahaja mahu memberikan perkhidmatan pendawaian elektrik yang terbaik kepada masyarakat tetapi saya juga mahu memberikan peluang pekerjaan kepada mereka yang memerlukan."

Marvinraj a/l Chandra Segaran
Kursus Pemasangan & Penyelenggaraan Elektrik, Tahap 2

"Saya bercita-cita ingin menjadi seorang tenaga pengajar di dalam bidang fesyen dan pembuatan pakaian. Saya juga berhasrat memiliki sebuah butik pakaian dengan jenama saya sendiri. Di INPENS, saya telah memperoleh banyak ilmu daripada barisan tenaga pengajar yang berpengalaman. Saya juga menyertai Pertandingan World Skills Malaysia di Pulau Pinang bagi menambah pengalaman saya di dalam bidang yang saya minati ini."

Azni Syafika binti Alizar
Kursus Pembuatan Pakaian Wanita, Tahap 3



"Saya sangat meminati permainan berkomputer sejak kecil. Oleh kerana itu saya mengambil keputusan mempelajari bidang sistem komputer apabila tamat sekolah. Saya bercita-cita untuk memiliki sebuah taman tema permainan yang bertemakan permainan komputer selain membina permainan komputer saya sendiri. Saya juga akan menawarkan banyak peluang pekerjaan terutamanya kepada OKU jika hasrat saya ini tercapai."

Yap Sheng Yang
Kursus Sistem Komputer, Tahap 3